

Pembahas: Pemuda UMNO akur apa sahaja tindakan

Oleh NIZAM YATIM

BACHOK 26 Nov. - Pergerakan Pemuda UMNO akan akur dengan apa sahaja tindakan yang bakal dikenakan terhadap pembahasnya yang dikatakan keterlaluan pada Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (**gambar**) berkata, ia selaras dengan prinsip pihaknya yang tidak pernah meletakkan diri melebihi peraturan parti dan undang-undang negara.

"Kita tidak pernah melebihi peraturan dan undang-undang sedia ada dan ini perkara pokok dalam perjuangan kita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis penutup Festival Dikir Barat Pemuda 2006 yang diadakan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Bachok di Tangok di sini, malam tadi.

Hishammuddin mengulas kenyataan Timbalan Presiden parti, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Rabu lalu yang menyerahkan kepada pihak berkuasa

UM- 27/11/2006

Mana-mana pihak berkepentingan yang cuba mengeksploitasi isu itu seharusnya mengambil kira ucapan dasar dan penggulangannya kerana ia merupakan pendirian rasmi Pemuda

HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN
Ketua Pergerakan
Pemuda UMNO

untuk mengambil tindakan ke atas pembahas yang dikatakan telah menyampaikan ucapan keterlaluan menyentuh sensitiviti keagamaan dan hak orang Melayu pada perhimpunan itu.

Najib berkata, sekurang-kurangnya tiga ucapan pada Perhimpunan Agung UMNO itu yang disiarkan secara langsung dan siaran ulangan melalui stesen televisyen satelit, Astro yang boleh disifatkan sebagai keterlaluan.

Sebelum ini, beberapa pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) melahirkan rasa tidak senang hati dengan ucapan emosional beberapa perwakilan pada perhimpunan berkenaan.

Hishammuddin berkata, beliau ya-

kin isu pembahas Pemuda yang dikatakan keterlaluan tidak akan timbul sekiranya tiada siaran langsung.

"Isu-isu seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dibangkit tahun ini telah diperkatakan pada perhimpunan tahun lalu tetapi ia menjadi isu sensitif kali ini kerana dapat dilihat secara langsung," ujarnya.

Katanya, mana-mana pihak berkepentingan yang cuba mengeksploitasi isu itu seharusnya mengambil kira ucapan dasar dan penggulangannya kerana ia merupakan pendirian rasmi Pemuda.

Tambah beliau, hubungan Pemuda UMNO dengan Pemuda parti-parti komponen BN lain selepas perhimpu-

nan tersebut cukup baik tetapi pihaknya bersedia membuat penjelasan lanjut jika diminta.

"Saya juga menolak tanggapan pihak-pihak tertentu yang cuba melabelkan Pemuda sebagai kumpulan pendesak dan radikal kerana masa itu sudah berlalu dan tumpuan kita sekarang ialah untuk menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)," tegasnya.